

Mahathir catat dua rekod dalam ^(P) *Profile* pilihanraya

UM 23 OCT 1990

KUALA LUMPUR 22 Okt.
— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mencatat dua rekod dalam pilihanraya umum semalam dengan memungut majoriti paling banyak di kalangan menteri - menteri kabinet.

Di samping itu beliau juga menambahkan majoritinya hampir 7,000 di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Dalam pilihanraya kali ini, Dato' Sri Dr. Mahathir mendapat 30,681 undi sementara lawannya, Dato' Sudin Wahab (HAMIM) memperolehi 8,619 undi. Majoriti Perdana Menteri ialah sebanyak 22,062.

Pada 1986, Perdana Menteri yang bertanding di kawasan yang sama mendapat 25,452 undi sementara lawannya dari Pas, Azizan Ismail mendapat 10,154 — majoriti, 15,298.

Pungutan undi Dato' Sri Dr. Mahathir dengan majoriti yang besar berbanding dengan tahun yang lalu meletakkan beliau mengatasi jumlah majoriti yang dipungut oleh menteri - menteri kabinet yang lain.